

**MH370: Najib, jangan terus berselindung**  
**Free Malaysia Today**  
**7 April 2014**  
**Oleh FMT Staff**

PETALING JAYA: Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM) melahirkan rasa simpatinya dengan semua pihak yang terlibat khususnya anggota keluarga pesawat Malaysia Airlines (MAS) penerbangan MH370 dari Kuala Lumpur ke Beijing yang tidak diketahui nasibnya hingga kini.

Menurut Ahli Majlis Pimpinan Pusat PKR, Badrul Hisham Shahrin peristiwa kehilangan pesawat MH370 ini merupakan tragedi yang amat malang.

“Sejak awal lagi kehilangan penerbangan pesawat MH370 telah mendedahkan banyak kelemahan pentadbiran dan pertahanan negara,” katanya dalam posting blognya yang terbaru [www.chegubard.blogspot.com](http://www.chegubard.blogspot.com).

Tambah Badrul atau lebih mesra dengan panggilan Che’ Gubard, antara kelemahan yang dapat didedahkan adalah kejadian passport palsu dan sehingga kini persoalan itu terus menjadi persoalan misteri dan bagaimana secara mudah warga negara asing dapat memasuki negara ini dan keluar semula dengan identiti palsu.

“Dari segi jumlah penumpang kapal yang menggunakan identiti palsu juga tidak jelas polis dan DCA sendiri ‘bertengkar’ dalam media,” jelas pengasas SAMM ini.

“Ini mengingatkan kita dengan kes pembunuhan wanita Mongolia yang terkait dengan skandal pembelian kapal selam negara yang ketika perbicaraan kes pembunuhannya dan rekod kemasukan wanita itu didapati hilang,” ujarinya.

Bukan itu sahaja, ia juga menunjukkan bahawa kapal selam yang dibeli tidak berkemampuan.

“Apabila kes ini muncul beberapa negara telah menghantar kapal selam untuk operasi mencari dan menyelamatkan (SAR).

“Saya dan juga beberapa pimpinan politik seperti Lim Kit Siang telah membangkitkan persoalan kenapa tidak digunakan kapal selam negara yang dibeli dengan harga amat tidak munasabah tingginya dan menteri tersebut telah menjawab bahawa Scorpene milik negara tidak sesuai untuk operasi SAR.

“Operasi yang boleh dilakukan oleh kapal selam negara adalah kita adalah operasi mencari bukannya operasi mencari dan menyelamatkan,” ujarinya.

**Tidak miliki sistem sonar**

Dikatakan bahawa kapal selam negara kita, tidak memiliki sistem sonar yang kebanyakan bot nelayan laut dalam turut miliki sistem tersebut.

“Kapal selam yang dibeli dengan begitu mahal adalah hanya untuk menghalalkan pembelian sumber pihak Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sendiri.

“Maknanya semua kenyataan ketika pembelian hanya untuk menghalalkan Malaysia membazir dan menutup skandal rasuah ketika itu,” ujarnya.

Selain itu juga, sistem radar yang dimiliki oleh sistem pertahanan negara juga begitu lemah kerana kebocoran sempadan darat, sempadan air dan sempadan udara juga turut bocor.

“MH370 telah membuat pusingan di udara dan melintasi Malaysia semula, malangnya Malaysia memerlukan beberapa hari bagi menganalisis data radar tersebut sebelum bertindak.

“Ini amat memalukan,” katanya yang kecewa.

Jelasnya lagi, lebih memburukkan keadaan adalah kenyataan menteri yang berbelit-belit dalam menerangkan kepada rakyat.

Bermula dari kenyataan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Sri Najib Razak seterusnya kenyataan sepupunya yang juga merupakan Pemangku Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein juga tidak pernah konsisten dan terus menunjukkan kelemahan pentadbiran Malaysia.

“Itu belum mengambil kira Timbalan Menteri Pertahanan yang amat memalukan negara.

“Kenyataan media yang dirangsang oleh sumber dalaman penguasa juga telah cuba mengalihkan isu kononya ia akibat dan angkara krew sehingga menimbulkan fitnah dasyat yang tak tertanggung oleh waris mangsa,” katanya.

### **Desak PM lebih tegas**

Ekoran kejadian yang berlaku, pihak SAMM mendesak perdana menteri untuk menjadi lebih tegas.

“Rahsia mengenai wujudnya satu ‘kargo’ misteri yang dikatakan transit dan dinaikkan dalam penerbangan tersebut telah terbuka, maka pihak berkuasa harus tampil memberikan penjelasan mengenainya.

“Apabila pihak SAMM cuba menghubungi pihak – pihak yang terbabit menguruskan penerbangan khususnya kargo tersebut respon yang diperolehi ialah semua tidak berani bercakap apa – apa mengenai penerbangan tersebut,” jelasnya.

Jelasnya lagi, sumber dalaman SAMM memaklumkan bahawa bukan sahaja dalam sistem tetapi data bercetak juga semuanya telah dibawa pergi tanpa ada salinan yang tinggal.

‘Manifest dan load-sheet untuk penerbangan tersebut juga dihilangkan.

“Mengapa ini berlaku dan apa yang cuba diselindungi?” katanya.

Semua ini menguatkan kepercayaan bahawa ini ialah permainan kuasa besar dunia dan semua penumpang serta anak kapal telah menjadi mangsanya.

SAMM juga sedar bahawa Najib tersepit dengan perkara ini, tetapi perkara ini berlaku berpunca

dari kelemahan pentadbiran sendiri.

“Ingatkah kita cerita agen CIA dalam pejabat Peguam Negara yang cuba disapu di bawah karpet?” katanya.

Ujarnya lagi, Malaysia menjadi lemah kerana kita dihimpit, diugut kiri dan kanan malah watak utama negara yang punya kes bunuh juga pernah diugut sehingga tanah negara terpaksa diserahkan pada jiran.

“Persoalannya adakah kita lemah atau Najib sedang dihimpit permainan politik kuasa besar dunia?” ujarnya.

Najib turut diingatkan bahawa rakyat di negara China sedang marah bukan sahaja kerana kehilangan warganya tetapi kehilangan sesuatu yang bernilai buat negaranya.

“Kuasa besar ekonomi ini boleh menghimpit negara kerana kelemahan kerajaan mengendalikan isu ini.

“Najib, tidak perlu berselindung bercakap benarlah di hadapan rakyat tidak perlu hanya membaca skrip tulisan pihak lain seperti ‘ia berakhir di Lautan Hindi’ dan kemudian cuba dimanipulasi oleh sepupunya dengan mengatakan “PM tak sebut pesawat terhempas,” jelasnya.

Tidak lama lagi, Malaysia bakal hilang syarikat penerbangan kerana saman dari seluruh dunia, negara bakal menerima tekanan hebat dari pelbagai pihak.

“Kami sayangkan negara ini dan kami tahu bahawa pihak kerajaan terhimpit dan tampillah dengan bercakap terus terang kepada rakyat.

“Kuasa besar mana pun kami akan bersedia berdepan tetapi kamu perlu beritahu perkara sebenar kepada rakyat atau kamu selesa menjadi memainkan peranan selaku watak boneka lemah semata – mata.

“Kita mungkin berbeza pandangan dalam banyak isu di dalam negara ini tetapi dalam isu mempertahankan negara ia tidak ada kompromi cuma perlu berani tampil dan bercakap benar sahaja,” jelasnya lagi.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/04/07/mh370-najib-jangan-terus-berselindung/>